

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ KETENGAH KALI KE-4

2024

TARIKH/MASA:

14 DISEMBER 2024 (SABTU)

8.00 PAGI

TEMPAT:

***WORLD TRADE CENTRE* KUALA LUMPUR**

Terima kasih saudara/ saudari pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari Majlis Konvokesyen)
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

MUKADDIMAH

1. Saya ingin memetik kata seorang ilmuwan yang berbunyi:

   "Ilmu adalah kehidupan hati dari kebutaan, cahaya mata dari kegelapan, dan kekuatan tubuh dari kelemahan."

2. Kata-kata ini mengingatkan kita bahawa ilmu bukan sekadar memberi pengetahuan, tetapi juga menghidupkan jiwa, menerangi fikiran, dan memperkuat tubuh.

3. Ilmu yang diamalkan adalah ilmu yang bermanfaat. Ia bukan hanya untuk diri kita, tetapi juga untuk keluarga, masyarakat dan negara.

4. Oleh itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada **265 graduan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak** atas kejayaan anda menamatkan pengajian. Anda telah menempuhi pelbagai cabaran sebagai pelajar di Kolej Ketengah, dan hari ini adalah hari untuk meraikan kejayaan tersebut.

5. Tahniah juga kepada Kolej Ketengah dan para pendidik atas kejayaan **melahirkan 1,557 graduan sejak tahun 2015.** Anda semua memainkan peranan penting dalam membina generasi berilmu.

6. Hari ini juga adalah permulaan baharu - permulaan penuh harapan dan cita-cita. Langkah anda seterusnya akan menentukan sumbangan anda kepada watan dan masyarakat.

HALA TUJU KOLEJ KETENGAH 2025

Hadirin yang saya hormati,

7. Dalam menghadapi cabaran global dan perkembangan teknologi, Kolej Ketengah saya percaya telah merangka hala tuju yang jelas ke arah kecemerlangan pendidikan dan pembangunan modal insan negara.

8. Saya berharap mutu pengajaran dan pembelajaran terus kekal tinggi, malah ditingkatkan seiring dengan keperluan semasa.

9. Pada masa yang sama, saya menyeru agar kurikulum yang digunapakai sentiasa disemak dan ditambah baik, supaya selari dengan keperluan industri dan ekonomi.

MEMPERKASA PROGRAM TVET

10. Saya juga menghargai usaha Kolej Ketengah yang menawarkan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) serta Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

11. TVET bukan sahaja membuka peluang kerjaya, malah menjadi pemangkin kepada pembangunan negara.

12. Ia juga berperanan besar dalam merealisasikan hasrat negara menuju status negara berpendapatan tinggi. Kerajaan komited memperkasa TVET untuk memenuhi keperluan industri dan teknologi yang terus berkembang.

CABARAN ALAM PEKERJAAN

Hadirin sekalian,

13. Pesan saya, jangan pernah berhenti mencari ilmu - tidak kira sama ada anda ingin meneruskan pengajian atau melangkah ke alam pekerjaan. Dunia kini berubah pantas – dan InsyaAllah dengan ilmu kita akan sentiasa bersedia menghadapi apa jua cabaran yang mendatang.

14. Sentiasalah mengikuti perkembangan industri, ambil peluang di mana jua untuk terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan.

15. Dengan keyakinan diri, sikap positif, dan persediaan yang rapi - saya yakin anda mampu melangkah ke alam pekerjaan dengan penuh jaya dan mencapai impian anda. InsyaAllah.

16. Saya juga mengingatkan bahawa kejayaan ini juga milik ayah dan bonda. Jangan lupa berterima kasih mereka yang menjadi pendorong kejayaan ini. Buat yang tiada, panjatkan doa dan hadiah kejayaan ini buat mereka yang telah melahirkan kita.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada para graduan atas kejayaan

anda. Dunia hari ini penuh cabaran, tetapi dengan adaptasi dan usaha yang berterusan, semua dapat diatasi sebaiknya.

18. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada para pendidik atas usaha dan dedikasi anda. Teruskan kecemerlangan anda, agar Kolej Ketengah terus dikenali sebagai salah satu institusi terbaik di Malaysia.

Sekian,

Wabilahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.